

Derita ayah dorong pelajar ikuti kursus perubatan

► **FAKHRURADZI ISMAIL**
mfismail@sph.com.sg

HATI kecil Cik Nadia Nasuha Mohd Nazri berubah menjadi sayu setiap kali beliau melihat bapanya yang menghidap penyakit barah hidung pada 2009 menjalani pelbagai sesi rawatan terapi.

Cik Nadia, ketika itu berusia 12 tahun, kagum melihat kesungguhan bapanya, Encik Mohd Nazri Abu Noor, melawan penyakit tersebut sehingga sembuh sepenuhnya.

Peristiwa itu membuatkan Cik Nadia berazam mahu menjadi doktor apabila dewasa kelak.

“Ia merupakan suatu pengalaman yang amat menyedihkan pada ketika itu, melihat bapa saya perlu menjalani pelbagai terapi.

“Namun pada masa yang sama, ia amat memberangsangkan apabila dapat menyaksikan kesungguhan dan keinginan beliau mahu terus sembuh demi keluarga.

“Mungkin dari situ, mula berputik dalam diri saya keinginan menjadi seorang doktor agar dapat membantu pesakit lain,” kata anak sulung tiga adik beradik itu.

Selain itu, pengalaman Cik Nadia sebagai anggota di persatuan Interaksi Raffles (Raffles Interact) sewaktu di Maktab Rendah Raffles (RJC) membuat beliau lebih berkecik mahu membantu mereka yang memerlukan, terutama dari segi



KELUARGA MENJADI PENDORONG UTAMA: (Dari kiri) Cik Nazira Nasuha, Encik Nazri Abu Noor, Cik Zainah Mohd, Cik Nadia Nasuha dan Cik Nadia Nasuha mengambil gambar 'wefie' selepas majlis induksi pelajar perubatan di NTU semalam. – Foto TUKIMAN WARJI

perubatan dan rawatan.

“Ketika berada di persatuan tersebut, kami sering mengunjungi Rumah Kanak-Kanak Jamiyah dan memberi pelajar sekolah rendah bantuan pelajaran sebagai tutor.

“Daripada situ, saya mula bera-sa bertanggungjawab membantu masyarakat di sini. Oleh itu saya memutuskan melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Universi-

ti Teknologi Nanyang (NTU),” tambah Cik Nadia, 19 tahun.

Beliau merupakan satu-satunya pelajar Melayu/Islam yang akan mengikuti kursus perubatan di Sekolah Perubatan Lee Kong Chian (LKCMedicine), NTU, bersama 108 pelajar perubatan baru lain.

NTU turut mengemukakan bahu-wa kohort pelajar perubatan tahun ini merupakan yang terbesar sejak

ia ditubuhkan pada 2013.

Bagi menandakan permulaan perjalanan mereka dalam bidang perubatan, para pelajar itu telah diberi kot putih dalam majlis induksi yang diadakan di Auditorium NTU semalam.

Turut hadir sebagai tetamu terhormat dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan (MOE), Cik Chan Lai Fung,